

KLASIFIKASI KANDUNGAN SEJARAH DALAM EPISTEMOLOGI HISTORIOGRAFI *HADIQAT AL-AZHAR WA AL-RAYAHIN* OLEH SYEIKH AHMAD AL-FATANI

(*Classification of Historical Content in the Epistemology of Syeikh Ahmad al-Fatani's Historiography Hadiqat al-Azhar Wa al-Rayahin*)

Azmul Fahimi Kamaruzaman*
Ahmad Faathin Mohd. Fadzil**

Abstrak

Penulisan ini bertolak daripada kenyataan Wan Mohd. Shaghir Abdullah bahawa karya *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* oleh Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan kitab pertama di Alam Melayu yang meriwayatkan tentang biografi imam mazhab empat dan Dawlah Uthmaniyyah, selain kitab tersebut mengandungi pelbagai maklumat lain tentang sejarah. Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti klasifikasi kandungan sejarah yang ditulis dan disusun Syeikh Ahmad dalam *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* serta kesetaraannya dengan epistemologi historiografi Islam. Penulisan ini menggunakan pendekatan kajian teks dan analisis dokumen terhadap teks *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. Hasil penulisan mendapati bahawa terdapat sembilan klasifikasi sejarah dalam teks *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* yang setara dengan epistemologi historiografi Islam iaitu sejarah kontemporari, manaqib (biografi), qasas (naratif), kronologi, ansab (geneologi), autobiografi, sejarah tempatan, sejarah universal dan falsafah sejarah.

Kata kunci: Syeikh Ahmad al-Fatani, kitab *Hadiqat al-Azhar*, historiografi Islam, Klasifikasi, Sejarah

Abstract

This writing departs from the statement of Wan Mohd. Shaghir Abdullah that *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* the work of Syeikh Ahmad al-Fatani is the first book in the Malay World which narrates the biography of the Four Islamic Juridical School Imams and the Ottoman Sultan, apart from the book containing other various pieces of information about the history. This writing intends to identify the classified historical contents written and organised by Syeikh Ahmad in *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* apart from its compatibility to Islamic epistemology of historiography. This study adopts textual and content analysis with regards to the text *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. It is found that there are nine historical classifications in the text *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* which is compatible to epistemology of Islamic historiography, namely contemporary history, manaqib (biography), qasas (narrative), chronology, ansab (geneology), autobiography, local history, universal history and philosophy of history.

Keywords: Syeikh Ahmad al-Fatani, *Hadiqat al-Azhar*, Islamic historiography, Classification, History

Pengenalan

Peristiwa lalu dapat diketahui melalui catatan sejarawan mengenai peristiwa tersebut. Dalam konteks historiografi Islam, al-Quran dan *sirah* menjadi paksi utama kepada kemunculan historiografi. Paparan kisah umat terdahulu yang dimuatkan sebanyak 1/6 daripada al-Quran menunjukkan sejarah merupakan antara elemen terpenting dalam membentuk peribadi dan teladan kepada manusia. Konsep *ibrah* merupakan objektif khusus paparan elemen tersebut.¹ Dalam historiografi, para sejarawan menulis berdasarkan kepada sumber-sumber yang dirujuk atau melalui pengalaman mereka sendiri. Oleh yang demikian, terdapat juga kitab sejarah yang memerihalkan peristiwa yang sama namun mentafsirkan maklumat tersebut dalam bentuk yang berbeza. Dalam konteks ini, historiografi memperlihatkan kepelbagaian isi kandungan dan pemikiran sejarawan tersebut melalui penulisan mereka. Ini secara tidak langsung menimbulkan daya tarikan pengkaji sejarah untuk meneliti tema dan pemilihan sejarah oleh sejarawan tersebut melalui karya mereka. Perkara ini juga termasuklah menganalisis setiap peristiwa sejarah yang berlaku.²

* Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ph.D, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: azmul@ukm.edu.my.

** Ahmad Faathin Mohd Fadzil, calon Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: afaathinmf@gmail.com.

¹ Ibn Khaldun (2000), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 6; Ismail Bakar (2012), *Sejarah Historiografi Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 91.

² Ibn Khaldun (2000), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 1-3; Azmul Fahimi Kamaruzaman, Norsaeidah Jamaludin & Muhammad Firdaus Hafizi Fauzi (2014), "Pentafsiran Idea Sejarah dalam Kerangka Historiografi Islam," *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 6, No. 1, pp. 27; Azmul Fahimi Kamaruzaman, Norsaeidah Jamaludin & Ahmad

Justeru, penulisan ini bertolak daripada kenyataan Wan Mohd. Shaghir³ yang menyatakan kitab *Hadiqat al-Azhar* karya Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan karya pertama di Alam Melayu yang meriwayatkan tentang biografi Imam empat mazhab utama fikah secara terperinci dan naratif Sultan *Dawlah Uthmaniyyah* termasuk Sultan ‘Abd al-Hamid II yang sezaman dengan beliau. Karya tersebut juga mempunyai pelbagai maklumat lain berkaitan sejarah iaitu kisah para Wali, *manaqib* (biografi) Wali *Qutb*, sejarah kontemporari, autobiografi Syeikh Ahmad, *ansab* (geneologi) Sultan *Dawlah Uthmaniyyah* dan Raja Melayu Bugis dan falsafah sejarah. Tidak dinafikan terdapat pelbagai kajian dilakukan terhadap Syeikh Ahmad. Antaranya mengenai latar belakang beliau⁴ mahupun sumbangan seperti dalam bidang persuratan Melayu⁵, tasawuf⁶, penerbitan dan semakan kitab⁷, hadis⁸, bahasa Arab⁹, usul fikah¹⁰, pemikiran Islam¹¹, politik¹², perubatan¹³, dakwah¹⁴ dan tauhid¹⁵.

Selain Wan Mohd. Shaghir, sarjana lain juga melakukan kajian terhadap kitab *Hadiqat al-Azhar*. Antaranya oleh Rosela¹⁶, Shafie¹⁷, Mohd. Fuad¹⁸, Mohamad Zaki¹⁹ Noor Azharan²⁰, Abdullah Zaidi²¹, Zamri²², Abdul Razak²³, Ezad Azraai et al.²⁴ dan Ahmad Faathin et al.²⁵. Walaupun wujud kajian tentang kandungan sejarah

Faathin Mohd Fadzil (2015), "Ibn al-Athir's Philosophy of History in al-Kamil fi al-Tarikh," *Asian Social Science*, Vol. 11, No. 23, p. 28.

³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991), "Kitab Hadiqatul Azhar war Rayyahin," *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 35, 3, hlm. 252-261.

⁴ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2005), *Syeikh Ahmad al-Fatani: Pemikir Agung Melayu dan Islam*, Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah; Abdullah Zaidi Hassan (2009), "Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani: Pemikir Agung Melayu," Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zain, Nasruddin Yunos & Ezad Azraai Jamsari (pnyt.), *Dunia Melayu dan Islam: Satu Wacana*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, hlm. 113-154.

⁵ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1995), *Syeikh Ahmad al-Fatani: Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik hingga ke Arah Dunia Moden*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁶ Hasanudin Daud (2013), "Tasawuf menurut Perspektif Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani," Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli (pnyt.), *Panji Pendeta*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, hlm. 1011-1035.

⁷ Ermy Azziaty Rozali (2014), "The Role of Sheikh Wan Ahmad al-Fatani in the Malay Publications and Printing in the Middle East," *al-Hikmah*, Vol. 6, No. 2, pp. 144-153.

⁸ Fauzi Deraman, Wan Mazwati Wan Yusoff, Ishak Sulaiman, Khadher Ahmad, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Monika Munirah Abd Razzak, Mohd Murshidi Mohd Noor, Jilani Touhami Meftah, Sedek Arifin, Ahmad K. Kasar, Selamat Amir & Mohd. Roslan Mohd. Nor (2013), "Sheikh Ahmad al-Fatani and His Bisyaratul ‘Amilin wa Nazaratul Ghafilin: A Contribution in Hadith Studies," *Middle-east Journal of Scientific Research*, Vol. 13, No. 2, pp. 191-195.

⁹ Mohd. Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan (2011), "Shaykh Ahmad al-Fatani (1856-1908M) dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Ilmu Nahu di Institusi Pondok Negeri Kelantan," *al-Basirah*, Jil. 1, Bil. 1, hlm. 161-171.

¹⁰ Muhammad Adib Samsudin & Mohammad Zaini Yahaya (2011), "Pemikiran Usul Fikah Syeikh Ahmad al-Fatani dalam Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah," *Jurnal Melayu*, Vol. 7 hlm. 173-192.

¹¹ Bedjo Santoso (2006), "Syeikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya terhadap Perkembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa", *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, hlm. 244.

¹² Norlizawati Ma'aruf (2008), "Pemikiran Politik Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856M-1908M)". Latihan Ilmiah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹³ Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad (2008), "Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan terhadap Manuskrip Kitab Tayyib Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani," *Jurnal al-Tamaddun*, Vol. 3, Issue 1, pp. 110-127.

¹⁴ Donwana Taye @ Mohd Lazim Lawee (1995), "Peranan Ulama Patani Dalam Bidang Dakwah Islamiah Menerusi Penulisan Kreatif," Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁵ Wan Rulida Wan Abdullah (1994) "Ulasan Kitab Faridat al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id oleh Syeikh Ahmad al-Fatani," Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁶ Rosela Lajid (1995), "Manuskrip Hadiqatul Azhar war Rayyahin: Analisis dan Transliterasi Teks," Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹⁷ Shafie Abu Bakar (1993), "Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin sebagai Model Sastera Islam," Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Malaysia, UKM Bangi, 5-8 September.

¹⁸ Mohd. Fuad Saad (2003), "Pemikiran Politik Syeikh al-Fatani: Kajian Terhadap Karyanya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin," Kertas Projek, Jabatan Siyasah Syar'iyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹⁹ Mohamad Zaki Jaafar (2006), "Sejarah 'Uthmaniyyah Dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin, karya Sheikh Wan Ahmad al-Fatani: Kajian Transliterasi dari Halaman 110-130," Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁰ Noor Azharan Mohd. Noor (2006), "Sejarah 'Uthmaniyyah Dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin, karya Sheikh Wan Ahmad al-Fatani: Kajian Transliterasi dari Halaman 130-150," Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²¹ Abdullah Zaidi Hassan (2009), "Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin dalam Konteks Hubungan Alam Melayu dengan Kerajaan Uthmaniyyah," Farid Mat Zain (pnyt.), *Daulah Uthmaniyyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1923 dan Reaksi Orang Melayu*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., hlm. 43-72.

²² Zamri Arifin (2009), "Pengkaryaan Ulama Arab dan Melayu: Penelitian Awal terhadap Penggunaan Kaedah Istidrad (Digression) dalam Karya al-Jahiz dan Sheikh Ahmad al-Fatani," Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zain, Nasruddin Yunos & Ezad Azraai Jamsari (pnyt.), *Dunia Melayu dan Islam: Satu Wacana*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, hlm. 436-447.

²³ Abdul Razak Mahmud. 2009. *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin: Karya Monumental Sheikh Wan Ahmad al-Fatani*. Abdul Razak et al. (pnyt). Dlm. *Bunga Rampai Persuratan Melayu Wilayah Timur: Sejarah, Pemikiran dan Karya*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

dalam kitab *Hadiqat al-Azhar*, namun kajian tersebut lebih menghuraikan secara umum atau sebahagian sahaja kandungan sejarah. Oleh yang demikian, kajian ini cuba menilai kandungan kitab *Hadiqat al-Azhar* secara holistik dan menzahirkan persamaan subjek perbincangannya dengan epistemologi yang ada dalam bidang historiografi Islam.

Syeikh Ahmad Al-Fatani Dan *Hadiqat Al-Azhar*

Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan antara ulama Melayu yang menghabiskan masa hidupnya dengan berada di luar negara. Nama beliau ialah Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zainal ‘Abidin bin Datuk Panglima Kaya Syeikh Haji Wan Mustafa bin Wan Muhammad Zainal ‘Abidin bin Wan Muhammad Salih al-Laqihi bin ‘Ali al-Masyhur al-Laqihi²⁶. Beliau dilahirkan pada malam Jumaat di Kampung Sena Janjar, Jambu, Jerim di Patani pada 5 Syaaban 1272H bersamaan 10 April 1856. Kampung halaman beliau merupakan lokasi yang terkenal pada masa itu sebagai tempat kelahiran ulama Melayu. Justeru, sejak kecil, kehidupan Syeikh Ahmad dikelilingi dan bergaul dengan ulama di sana²⁷. Berbanding kanak-kanak lain, beliau lebih suka meluangkan masa mempelajari dan menghafal kitab pengajian.

Apabila umurnya mencecah empat tahun, Syeikh Ahmad bersama ibu bapanya berhijrah ke Mekah. Berbeza dengan keadaan di Patani, Syeikh Ahmad tidak memperlihatkan kerajinan beliau di Mekah. Beliau mempraktikkan pembelajaran sendiri tanpa pengetahuan ibu bapanya. Perkara ini secara tidak langsung merisaukan kedua ibu bapanya kerana mereka berharap Syeikh Ahmad akan membesar menjadi seorang ulama. Namun, kerisauan itu terubat apabila Syeikh Ahmad mempamerkan keilmuannya apabila diuji dengan pelbagai persoalan agama. Bahkan, beliau selesai menghafal al-Quran dan pelbagai kitab pengajian semasa berada di Mekah. Pada masa ini, beliau diiktiraf sebagai seorang ilmuan bahasa hingga dibenarkan untuk mengajar bahasa Arab kepada penuntut yang lebih muda²⁸.

Pemusafiran ilmu Syeikh Ahmad tidak tamat di Mekah, beliau meneruskan pengajian ke Palestin. Di sana, selain ilmu agama, beliau juga memfokuskan diri untuk mendalami ilmu sains termasuklah ilmu perubatan. Selepas menuntut selama dua tahun di Palestin, Syeikh Ahmad kembali ke Mekah²⁹ dan bapanya mengarahkan untuk ke Mesir bagi mendalami ilmu agama kerana beliau dilihat cenderung kepada bidang farmokologi (ubat-ubatan). Institusi al-Azhar menjadi pilihan beliau untuk mendalami ilmu agama bahkan mengajar di institusi terkenal tersebut selama tujuh tahun dan kembali semula ke Mekah selepas itu³⁰.

Semasa beliau kembali dari Mekah, Syeikh Ahmad masih belum mencapai usia 30 tahun namun telah menguasai pelbagai bidang ilmu. Wan Mohd. Shaghir menyatakan beliau menguasai 47 bidang ilmu³¹. Antaranya ialah bahasa Arab, hadis, tasawuf, fikah, sejarah, politik, persuratan, perubatan dan kimia. Beliau meneruskan pengajian di Mekah dan berkhidmat sebagai salah seorang tenaga pengajar di sana. Selain itu, beliau juga bergiat secara aktif sebagai seorang penyemak kitab di syarikat percetakan di Mekah, Mesir dan Turki. Atas usaha tersebut, pelbagai naskhah manuskrip ulama Melayu dikumpulkan dan diterbitkan semula. Kepakaran beliau terbukti apabila beliau dilantik menjadi penyelia dan penyemak di syarikat percetakan Matba‘ah al-Miriyah di Mekah³². Beliau meneruskan usaha tersebut hingga akhir hayat. Syeikh Ahmad meninggal dunia pada hari Rabu, 11 Zulhijjah 1325H bersamaan 14 Januari 1908 di Mekah. Jenazah disemadikan di Perkuburan Ma’la di Mekah³³.

²⁴ Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfadzlee Abul Hassan Ashari, Ermy Azziaty Rozali & Mohd Yusrizal Mohd Yunus (2011), “Sejarah Ketenteraan ‘Uthmaniyyah dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin Karya Shaykh Wan Ahmad al-Fatani,” *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 158-166.

²⁵ Ahmad Faathin Mohd. Fadzil, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari & Muhammad Zulkarnaen Fauwi (2015), “Konsep ilmu politik dalam kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin karya Shaykh Ahmad al-Fatani,” *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VI: Ulama dan Umara Berpisah Tiada*, hlm. 380-387.

²⁶ Wan Mohd. Shaghir (2005), *op.cit.*, hlm. 13.

²⁷ Mohd. Alwee & Mohamad Azrein (2011), *op.cit.*, hlm. 162.

²⁸ *Ibid*, hlm. 165.

²⁹ Wan Mohd Shaghir Abdullah (2005, *op.cit.*

³⁰ *Ibid*, hlm. 44.

³¹ *Ibid*, hlm. 56.

³² Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammed Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East: with a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 60; Mohammad Redzuan Othman (1998), “The Role of Makka-educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya,” *Journal of Islamic Studies*, Vol. 9, Issue 2, pp. 146-157; Ermy Azziaty (2014), *op.cit.*

³³ Ahmad Fathy al-Fatani (2001), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syeikh Ahmad mengarang pelbagai jenis kitab disamping menjadi penyemak. Antara karya beliau ialah *Jumanat al-Tawhid* dalam bidang akidah, *al-Thimar al-Shahiyyah fi ma la Yastaghna al-Mubtadi'una 'anhu min Masa'il al-Nahwiyyah* dalam bidang tatabahasa Arab, *Fa'idah Buruj fi Ithna 'Ashar* dalam bidang astrofiqh, *al-Fatawa al-Fataniyyah* dalam persoalan dan permasalahan fikah, *al-Siyasah wa al-Tadbir* dalam bidang politik dan pentadbiran, *Nazam Nur al-Anam* dalam bidang bahasa Arab, *Bisharat al-'Amilin wa Nadhrat al-Ghafilin* dalam bidang hadis dan *Tayyib al-Ihsan fi Tib al-Insan* dalam bidang perubatan. Menariknya, terdapat dua karya beliau dalam bidang sejarah. Karya pertama ialah *Badr al-Tamam wa al-Nujum wa al-Thawaqib* yang membicarakan tentang sirah Nabi SAW dan para sahabat. Kedua, *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* yang merupakan karya sejarah yang cuba dinilai dalam penulisan ini.

Judul penuh bagi karya *Hadiqat al-Azhar* ialah *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin wa Aniqat al-Surur wa al-Istihsan fi Nafa'is Shatta Yarghabu fiha Kullu Insan*. Makna judul tersebut, seperti dicatatkan Syeikh Ahmad ialah,

Dan aku namakan ini perhimpunan dengan *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* ertinya kebun bunga-bunga dan pohon-pohon yang mempunyai bau yang baik pada menyatakan beberapa *manaqib akhyar* ertinya beberapa kelebihan orang yang baik-baik dan beberapa banyak cetera [kisah] *awliya'* dan salihin dan *aniqat al-surur al-istihsan* ertinya tempat yang elok lagi indah yang mencelangkan [menyelahkan] yang disediakan bagi bersuka-suka hati dan me[ng]elakkan barang yang dilihat oleh mata pada menyatakan beberapa banyak faedah yang berhamburan yang gemar padanya oleh tiap-tiap manusia³⁴.

Berbeza dengan Syeikh Ahmad, Shafie³⁵ mentafsirkan judul karya tersebut sebagai, “Kitab taman bunga dan bauan, memanaqib para salihin dan berkebajikan, menusukkan rasa gembira dan berkebajikan, berbagai ketinggian padanya digemari insan”. Walaupun beliau memberikan definisi berbeza, namun masih membawa maksud yang sama.

Kitab *Hadiqat al-Azhar* mempunyai beberapa versi cetakan. Manakala versi manuskrip yang dijumpai adalah yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip tulisan tangan ini terdiri daripada 110 halaman dan berada dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia berkod MSS 1673. Berbanding versi manuskrip, terdapat beberapa buah versi cetakan kitab *Hadiqat al-Azhar*. Versi yang pertama dan kedua adalah terbitan Syeikh Ahmad sendiri melalui syarikat percetakan Matba'ah al-Miriyyah yang masing-masing diterbitkan pada tahun 1307H dan 1321H. Selain dua versi tersebut, terdapat sebuah lagi versi cetakan yang turut diusahakan oleh Syeikh Wan Ismail iaitu anak kepada Syeikh Ahmad³⁶. Versi inilah yang menjadi rujukan penulisan ini terutama dalam melihat aspek kandungan historiografi Syeikh Ahmad dalam *Hadiqat al-Azhar*.

Anatomi Hadiqat Al-Azhar

Setiap karya yang dihasilkan memperlihatkan epistemologi yang dimiliki pengarangnya. Hal yang sama wujud dalam karya *Hadiqat al-Azhar*. Walaupun karya tersebut dikatakan hanya sebuah buku sejarah, namun kandungannya tidak hanya memaparkan tentang sejarah. Bahkan merangkumi elemen lain seperti politik, perubatan, bahasa, akidah, persuratan, falak dan fikah. Oleh yang demikian, menurut Abdullah Zaidi Hasan karya tersebut merupakan sebuah kitab rampaian yang menjadi trend dalam penulisan ulama Melayu manakala Shafie pula mengklasifikasikannya sebagai sebuah karya sastera³⁷.

Namun, penelitian pada judul dan kata pengantar kitab *Hadiqat al-Azhar* mendapati bahawa karya tersebut adalah sebuah karya sejarah dan mempunyai dua bahagian yang utama. Pertama adalah melalui judulnya yang menyatakan “*fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*”. *Manaqib* merupakan perkataan jamak bagi

³⁴ Ahmad Muhammad Zayn (1354H), Cet. 3, *Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*, Muhammad Zayn al-Haj Ibrahim (pnyt.), Pulau Pinang: Pertama Press, hlm. 5.

³⁵ Shafie Abu Bakar (1993), *op.cit*.

³⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998), *Hadiqatul Azhar war Rayyahin: Asas Teori Takmilah Sastera Melayu-Islam*, Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

³⁷ Abdullah Zaidi Hassan (2014), “Syeikh Ahmad al-Fatani dan kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin,” Kota Bharu, Temu bual, 22 November; Shafie Abu Bakar (1993), *op.cit*.

“*manqabah*” yang bermaksud sifat dan perilaku yang baik pada seseorang³⁸. Ini juga bermaksud sifat kepujian pada seseorang, perbuatan yang mulia dan perkara yang berlawanan dengan keburukan seseorang³⁹. *Akhyar* merupakan jamak bagi perkataan *khayr* yang bermaksud baik dan sesuatu yang berlawanan dengan keburukan, mendapatkan sesuatu dengan sempurna, banyak kebaikan serta banyak kebajikan atau kebaikan⁴⁰. *Akhbar* pula adalah jamak bagi perkataan *khbar* yang bermaksud cerita, berita dan warta⁴¹. *Khabar* juga bermaksud berita, maklumat, berita baik, risikan, laporan, cerita, bahan berita dan pengumuman⁴². Selain itu, *khbar* juga membawa maksud sesuatu yang disampaikan dan diperkatakan dengannya⁴³. Yang terakhir, *salihin* merupakan jamak bagi perkataan *salih* yang bermaksud seseorang yang baik, yang berbuat baik, yang sepakat, yang bersetuju dan yang sepatutnya⁴⁴. Selain itu, *salih* bermaksud berlawanan dengan orang yang melakukan keburukan, yang melakukan apa yang benar dan wajib keatasnya⁴⁵. *Salih* juga bermaksud seseorang yang suci dari setiap keburukan⁴⁶. Dengan erti kata lain, *salih* bermaksud baik, benar, sah, sesuai, memadai, cukup, berguna, berperanan, berguna, selayaknya, bertanggungjawab, mampu, cekap, kompeten, mulia, warak dan bertaqwa⁴⁷. Secara kesimpulannya frasa “*fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*” bermaksud ‘mengenai sifat dan perilaku orang-orang yang baik, perkhabaran orang-orang yang salih serta kisah teladan yang mengagumkan dan mempunyai kebaikan padanya’. Perkara ini secara tidak langsung memberikan gambaran sebahagian dalam kitab ini yang memuatkan mengenai kisah teladan daripada peristiwa lalu. Motif ini juga selaras dengan historiografi dan falsafah sejarah Islam yang secara asasnya adalah untuk membawa *ibrah* dan teladan kepada masyarakat⁴⁸.

Kedua, ciri sejarah yang terdapat pada karya ini dilihat melalui kata pengantar beliau yang turut menyatakan objektif penulisan karya ini. Syeikh Ahmad menyatakan,

Adapun kemudian daripada itu maka bahawasa aku tatkala lihatku akan segala nafsu itu tersuka ia dan bersenang ia kepada segala hikayat dan segala certera yang elok-elok ... dan berahi ia dengan mendengarnya akan dia dan bersedap-sedap ia dengan perkhabarannya ... kasihku bahawa aku perkenankan kepada maksudnya dan aku dapat laba pahala daripada Tuhan yang disembahnya ... Maka aku himpulkan dengan puji Allah Ta‘ala daripada segala riwayat ulama yang kepercayaan yang baligh perkataan mereka itu akan barang yang diinginkan dia oleh segala hati dan mengelokkan dia oleh segala akal dan dapat lazat dengan dia oleh segala pendengaran ... dan mengkaya ia daripada percakapan bergurau selora yang menyukakan hati dan percakapan pada malam yang cemerlang bulannya antara beberapa taulan pada beberapa ketika lapang didalam masa bermukim dan safir ... dan menghilang ia daripada mereka yang me[n]telaahkan dia akan segala dukacita dan menegah ia daripada mereka yang mendengarkan dia akan segala keru[n]singan ... daripada beberapa hikayat segala orang yang takut akan Allah Ta‘ala yang salihin dan beberapa karamat aulia yang sampai mereka itu kepada Allah Ta‘ala dan beberapa kelebihan imam yang mujtahidin yang besar-besar dan beberapa kemegahan qutb yang dipilih dia yang mempunyai beberapa banyak rahsia ... kerana barang yang ada pada demikian itu daripada beberapa banyak faedah yang besar-besar dan beberapa maksud yang elok-elok lagi yang mulia-mulia ... daripada menetapkan segala hati atas berpegang dengan agama Islam dan meliarkan daripada mengerjakan segala dosa dan menyungghah-nyungghahkan atas taat dan menuntuti turunkan berkat dan mengajar dan mengingatkan dan lain daripada demikian itu daripada kebajikan yang banyak⁴⁹.

³⁸ Munir al-Ba‘albaki (2005), *al-Mawrid: Qamus Inklizi – ‘Arabiyy*, Bayrut: Dar al-‘Ilm lil Malayin, hlm. 1032; Ruhi al-Ba‘albaki (1999) *al-Mawrid: Qamus ‘Arabiyy – Inklizi*, Bayrut: Dar al-‘Ilm lil Malayin, hlm. 1127.

³⁹ Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1350H), *Qamus Idris al-Marbawi ‘Arabi-Malayuwi*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu, hlm. 338; Louis Ma‘luf (1966), *al-Munjid fi al-Lughah*, Bayrut: al-Matba‘ah al-Kathulikiyyah, p. 829; Abi Nasr Ismail bin Hammad al-Juhari (2009), *al-Sihah: Taj al-Luhghah wa Sihah al-‘Arabiyyah*, al-Qahirah: Dar al-Hadith, hlm. 1106.

⁴⁰ Louis Ma‘luf (1956), *op.cit.*, p. 201; al-Marbawi 1350H: 192

⁴¹ Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1930), *Qamus Idris al-Marbawi*, Jil. 1, Misr: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi, hlm. 162.

⁴² al-Ba‘albaki (1999), *op.cit.*, p. 503.

⁴³ Ma‘luf (1966), *op.cit.*, p. 167; al-Juhari (2009), *op.cit.*, p. 303.

⁴⁴ al-Marbawi (1350H), *op.cit.*, hlm. 341.

⁴⁵ Ma‘luf (1956), *op.cit.*, 432.

⁴⁶ Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani (1996), *al-Ta‘rifat*, Bayrut: ‘Alam al-Kutub, p. 171.

⁴⁷ al-Ba‘albaki (1999), *op.cit.* p. 686.

⁴⁸ Ismail (2012), *op.cit.*

⁴⁹ Ahmad (1354H), *op.cit.*, p. 3-4.

Bahagian kedua kitab dapat dilihat berdasarkan kenyataan Syeikh Ahmad. Beliau menyatakan,

Ini satu fasal pada menyatakan beberapa banyak faedah dan beberapa masalah bagi-bagi beberapa ilmu dan beberapa banyak yang indah yang berhamburan seperti berhamburan segala bintang. Dan seolah-olahnya dokoh [rantai Mutiara] yang terputus penyucuknya maka berseleraklah daripadanya segala mutiara dan *marjan* yang ingin dan gemar pada terlihat atasnya dan mengetahuinya oleh tiap-tiap manusia dan jin⁵⁰.

Daripada petikan di atas, Syeikh Ahmad menyatakan bahawa terdapat sebuah lagi bahagian (fasal) dalam karya tersebut iaitu epistemologi Islam dan Melayu merangkumi perbincangan tentang ilmu-ilmu Islam seperti akidah, fikah (hukum-hukum dan usul fikah), tasawuf, penulisan, perubatan, doa, nasihat, usul fikah, politik, adab, falak dan bahasa. Ini membuktikan bahawa klasifikasi kandungan *Hadiqat al-Azhar* tidak hanya berkisar tentang sejarah bahkan merangkumi teori-teori ilmu yang lain dalam Islam. Kandungan kitab *Hadiqat* dapat diperhatikan melalui Jadual 1.

Jadual 1 Senarai kandungan kitab *Hadiqat al-Azhar*

Bil.	Tajuk	Tema	Halaman
1.	Muka hadapan kitab	Kitab	1
2.	Khutbah kitab	Kitab	2
3.	Kenyataan barang yang di dalam ini kitab	Kitab	3
4.	Beberapa faedah yang bergantung dengan Basmalah	Akidah	5
5.	Hikayat mengenai Basmalah (Abu Muslim al-Khawlani)	Sejarah (Kisah)	7
6.	Hikayat mengenai Basmalah (Khalid al-Walid)	Sejarah (Kisah)	7
7.	Hikayat mengenai Basmalah (malam Isra' Mi'raj)	Sejarah (Kisah)	8
8.	Beberapa faedah yang bergantung dengan Hamdalah	Akidah	9
9.	Hikayat mengenai <i>Hamdalah</i> (mereka yang dibalakan Allah)	Sejarah (Kisah)	10
10.	Beberapa faedah yang bergantung dengan selawat atas Nabi SAW	Akidah	11
11.	Hikayat mengenai faedah selawat atas Nabi, (Dan dihikayatkan) daripada ahli tasawuf yang berjiran dengan orang yang kuat bermaksiat)	Sejarah (Kisah)	12
12.	Hikayat mengenai faedah selawat atas Nabi, (Dan dihikayatkan) seorang perempuan yang mempunyai anak yang jahat	Sejarah (Kisah)	12
13.	Hikayat mengenai faedah selawat atas Nabi, (Dan diriwayatkan) daripada seorang lelaki yang bermusafir bersama bapanya	Sejarah (Kisah)	12
14.	<i>Sighat al-Salat al-Rahmaniyyah * al-Jami'ah li al-Salat al-Ihsaniyyah *</i> dan beberapa khasiat yang diharapkan dengan membaca ia	Akidah	13
15.	Satu nazam yang elok pada selawat atas Nabi SAW	Akidah	14
16.	Beberapa faedah pada kelebihan ilmu dan mengajar dan belajarnya	Fikah	15
17.	Kenyataan amat-amati ahli negeri yang besar-besar dengan sya'n ilmu dan segala kepandaiannya	Sejarah Kontemporari	18
18.	Menyungguh-nyungguh dan menggambarkan bangsa kita pada menghadapi himmah mereka itu kepada mendapatkan segala ilmu dan kepandaian dan menyatakan bahawa sekalian kepandaian yang zahirnya ia bagi dunia jua itu pada hakikatnya memberi manfaat ia bagi agama dan bagi akhirat juga	Sejarah Kontemporari	20
19.	Satu perjagaan dan ganggu-gangguan yang amat elok	Kitab	22
20.	(Dan elok) bahawasa kami mengganggu-gangguan dengan menyebutkan kelebihan Abu Bakar al-Siddiq	Sejarah (Kisah)	22
21.	(Fasal) pada menyebutkan <i>manaqib</i> segala imam yang muhtadin yang empat dengan ijmal.	Sejarah <i>Manaqib</i>	24
22.	Sebutan <i>manaqib</i> Imam Abu Hanifah RA	Sejarah	24

⁵⁰ *Ibid*, hlm. 178.

		<i>Manaqib</i>	
23.	Sebutan <i>manaqib</i> Imam Malik RA	Sejarah <i>Manaqib</i>	26
24.	Sebutan <i>manaqib</i> imam yang afkhar Shafi'i RA	Sejarah <i>Manaqib</i>	29
25.	Beberapa masalah yang dijawab oleh Imam Shafi'i tatkala soal Muhammad bin al-Hasan dan Abu Yusuf sahabat Aba Hanifah kerana mencuba akan dia dihadapan Harun al-Rashid	Sejarah <i>Manaqib</i>	43
26.	Sebutan <i>manaqib</i> Imam Ahmad bin Hanbal RA	Sejarah <i>Manaqib</i>	46
27.	(Fasal) pada menyebutkan akhbar dan hikayat aulia dan salihin dan didalam fasal ini beberapa banyak cetera aulia dan <i>sulaha'</i> Sirri al-Siqti – berhasrat menunaikan haji semasa di Bayt al-Maqdis	Sejarah (Kisah)	49
28.	Dihikayatkan daripada Dhu Nun al-Misri – kisah di atas perahu	Sejarah (Kisah)	52
29.	Dihikayatkan daripada Ibrahim al-Khawwas – pergi ke Rom	Sejarah (Kisah)	52
30.	Ibrahim al-Khawwas – sesat jalan ke Makkah	Sejarah (Kisah)	54
31.	Hamba bagi Ja'far al-Sadiq – terjatuh bejana air	Sejarah (Kisah)	55
32.	Dihikayatkan daripada setengah aulia melihat ia setengah daripada <i>ahl al-Madinah</i> didalam tidurnya – timbangan amal	Sejarah (Kisah)	56
33.	Dihikayatkan bahawasa seorang raja perbuat satu mahligai seelok akan dia	Sejarah (Kisah)	56
34.	Dihikayatkan daripada setengah salihin dan baginya saudara pada Allah dan adalah ia seorang laki-laki yang baik perangnya pekerjaan keduanya buat kipas	Sejarah (Kisah)	57
35.	Dihikayatkan daripada Abu al-Qasim al-Junayd al-Baghdadi	Sejarah (Kisah)	59
36.	'Uthman al-Jurjani RH	Sejarah (Kisah)	60
37.	Dihikayatkan mati seorang wali dan diganti akan dia seorang budak permainan yang menari dan menyanyi	Sejarah (Kisah)	61
38.	Hikayat anak Harun al-Rashid yang jadi wali	Sejarah (Kisah)	63
39.	Diriwayatkan daripada 'Abd al-Rahman bin al-Muhadhdhab beli sahaya yang wali	Sejarah (Kisah)	65
40.	Dihikayatkan daripada Muhammad bin al-Fadl	Sejarah (Kisah)	67
41.	Asmai'i RH	Sejarah (Kisah)	68
42.	Riwayat setengah salihin melihat seorang perempuan	Sejarah (Kisah)	69
43.	Dihikayatkan daripada Imam Shafi'i	Sejarah (Kisah)	69
44.	Diriwayatkan daripada Rafi' bin 'Abd Allah akan hikayat yang elok	Sejarah (Kisah)	70
45.	Dihikayatkan daripada Abu Ya'qub al-Tabari	Sejarah (Kisah)	73
46.	Diriwayatkan daripada 'Abd Allah al-Qurashi bahawa bertaulan ia dengan Ibrahim bin Adham	Sejarah (Kisah)	75
47.	Dihikayatkan daripada al-Sirri al-Siqti	Sejarah (Kisah)	76
48.	Dihikayatkan daripada al-Sirri al-Siqti	Sejarah (Kisah)	77

49.	Dihikayatkan daripada ‘Abd al-Rahman Ja‘far	Sejarah (Kisah)	77
50.	Dihikayatkan daripada Abu al-Ashhal al-Sa’ih RA	Sejarah (Kisah)	78
51.	Hikayat daripada Malik bin Dinar	Sejarah (Kisah)	79
52.	Dihikayatkan daripada Abu Bakr bin al-Fadil	Sejarah (Kisah)	80
53.	Dihikayatkan daripada Dhu al-Nun al-Misri	Sejarah (Kisah)	82
54.	Dihikayatkan daripada Dhu al-Nun al-Misri	Sejarah (Kisah)	82
55.	Hikayat daripada ‘Abd Allah al-Ahnaf	Sejarah (Kisah)	83
56.	Hikayat oleh ‘Abd Allah al-Tustari hal keramatnya	Sejarah (Kisah)	84
57.	Hikayat seorang laki-laki membongkar kubur dan mencuri kain kapan	Sejarah (Kisah)	84
58.	Dihikayatkan daripada ‘Abd al-Wahid bin Zayd	Sejarah (Kisah)	84
59.	Hikayat keramat Shaykh Aq [Agha] Shams al-Din pada memfatahkan negeri Qastantiniyyah pada masa Sultan Muhammad ibn al-Sultan Murad	Sejarah (Kisah)	86
60.	Sebutan nyata kubur Abu Ayyub al-Ansari RA di Negeri Qastantiniyyah kemudian daripada terhilangnya	Sejarah (Kisah)	90
61.	Dihikayatkan daripada ‘Abd al-Wahid	Sejarah (Kisah)	91
62.	(Dan) hikayat daripadanya pula [‘Abd al-Wahid]	Sejarah (Kisah)	92
63.	Dihikayatkaan daripada Ja‘far bin Sulayman	Sejarah (Kisah)	93
64.	Hikayat daripada Nabi Sulayman bin Dawud duduk ia atas kerusi kerajaannya	Sejarah (Kisah)	95
65.	Hikayat daripada setengah salihin bahawasa lihat ia pada sisi kubur Nabi sembilan orang daripada aulia	Sejarah (Kisah)	97
66.	Hikayat daripada Ibrahim al-Khawwas	Sejarah (Kisah)	98
67.	Hikayat daripada Shaykh Salih al-Murra	Sejarah (Kisah)	99
68.	Hikayat daripada Shaykh Jawhar al-Shakur	Sejarah (Kisah)	100
69.	Hikayat mengacum orang fasid dengan mengu[m]pat-mengu[m]pat dan fitnah antra Sayyidi ‘Abd al-Wahhab al-Sha‘rani dan antara syeikhnya	Sejarah (Kisah)	101
70.	Sebutan dua orang Nasrani yang berhelah keduanya dengan suruhan daripada raja-raja mereka itu supaya mencuri keduanya akan hadrat Nabi SAW dan memindah keduanya akan dia kepada negeri mereka itu sangka mereka itu	Sejarah (Kisah)	103
71.	(Fasal) pada menyebutkan <i>manaqib</i> beberapa <i>qutb</i> dan aulia yang <i>mashhurin</i> <i>Manaqib</i> Sayyidi Ahmad al-Rifa‘i RA	Sejarah Manqib	105
72.	<i>Manaqib</i> Sayyidi Abd al-Qadir al-Jilani RA	Sejarah Manqib	108
73.	(Dan diriwayatkan) bahawasanya datang seorang saudagar kepada gurunya Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Jilani	Sejarah Manqib	114
74.	(Dan berjanabah khadamnya) di dalam satu malam tujuh puluh kali mimpi ia	Sejarah Manqib	115
75.	(Dan diriwayatkan) daripada Shaykh al-‘Arif Abu al-Khayr Bishr bin	Sejarah	115

	Mahfuz	Manaqib	
76.	<i>Manaqib</i> Sayyidi Ahmad al-Badawi RA	Sejarah Manaqib	116
77.	<i>Manaqib</i> Sayyidi Ibrahim al-Dusuki RA	Sejarah Manaqib	121
78.	<i>Manaqib</i> Sayyidi Abi al-Hasan al-Shadhili RA	Sejarah Manaqib	123
79.	<i>Manaqib</i> Sayyidi Shams al-Din Muhammad al-Hanafi RA	Sejarah Manaqib	127
80.	Fasal pada sebutan Daulat ‘Uthmaniyyah dan tafsil tiap-tiap seseorang daripada segala sultan mereka itu dan segala perangnya atas jalan ikhtisar	Sejarah Kronologi	129
81.	Sulayman Shah	Sejarah Kronologi	130
82.	Ertughrul	Sejarah Kronologi	130
83.	Uthman	Sejarah Kronologi	131
84.	Sebutan Sultanah Sultan Urkhan	Sejarah Kronologi	132
85.	Sebutan Sultanah Sultan Murad Yang Pertama	Sejarah Kronologi	134
86.	Penubuhan Inkishariyyah	Sejarah Kronologi	134
87.	Sebutan Sultanah Sultan Yildrim Bayezid Khan	Sejarah Kronologi	135
88.	Sebutan Raja Timur yang iaitu seorang raja yang amat <i>jabbar</i> pada pihak bumi Khurasan	Sejarah Kronologi	136
89.	Sebutan Kerajaan Sultan Muhammad Yang Pertama	Sejarah Kronologi	137
90.	Sebutan Sultan Murad Yang Kedua	Sejarah Kronologi	138
91.	Persepakatan Pope dan Eropah	Sejarah Kronologi	138
92.	Murad II melantik Muhammad II	Sejarah Kronologi	139
93.	Murad II menjadi sultan semula	Sejarah Kronologi	139
94.	Sebutan Kerajaan Sultan Muhammad Yang Kedua	Sejarah Kronologi	140
95.	Kenyataan Kerajaan Sultan Bayezid Yang Kedua	Sejarah Kronologi	142
96.	Sebutan Ismail Shah Raja ‘Ajam yang ialah awal mereka yang mengerasi akan manusia kepada Mazhab <i>Rafada</i>	Sejarah Kronologi	142
97.	Kenyataan Sultanah Sultan Salim Yang Pertama	Sejarah Kronologi	146
98.	Kenyataan Kerajaan Sultan Sulayman Yang Pertama	Sejarah Kronologi	147
99.	Sebutan Kerajaan Sultan Salim Yang Kedua anak Sultan Sulayman	Sejarah Kronologi	151
100.	Sebutan Kerajaan Sultan Murad Yang Ketiga anak Sultan Salim Yang Kedua	Sejarah Kronologi	152
101.	Sebutan Kerajaan Sultan Muhammad Yang Ketiga anak Sultan Murad	Sejarah Kronologi	154
102.	Kenyataan Sultan Ahmad Yang Pertama bin Sultan Muhammad	Sejarah Kronologi	156

103.	Kenyataan Sultan Mustafa saudara Sultan Ahmad	Sejarah Kronologi	156
104.	Kenyataan Kerajaan Sultan 'Uthman Yang Kedua anak Sultan Ahmad	Sejarah Kronologi	157
105.	Sebutan Kerajaan Sultan Mustafa bin al-Sultan Muhammad [Pemerintahan Kedua]	Sejarah Kronologi	158
106.	Kenyataan Sultan Murad Yang Keempat anak Sultan Ahmad	Sejarah Kronologi	158
107.	Sebutan Sultan Ibrahim Yang Pertama anak Sultan Ahmad	Sejarah Kronologi	160
108.	Kenyataan Kerajaan Sultan Muhammad Yang Keempat anak Sultan Ibrahim	Sejarah Kronologi	161
109.	Sebutan Sultan Sulayman Yang Kedua anak Sultan Ibrahim	Sejarah Kronologi	163
110.	Kenyataan Kerajaan Sultan Ahmad Yang Kedua anak Sultan Ibrahim	Sejarah Kronologi	164
111.	Sebutan Khilafah Sultan Mustafa Yang Kedua	Sejarah Kronologi	164
112.	Sebutan Khilafah Sultan Ahmad Yang Ketiga	Sejarah Kronologi	165
113.	Sebutan Kerajaan Sultan Mahmud Yang Pertama	Sejarah Kronologi	166
114.	Kenyataan Sultan 'Uthman Yang Ketiga	Sejarah Kronologi	167
115.	Kenyataan Sultanah Sultan Mustafa Yang Ketiga	Sejarah Kronologi	167
116.	Sebutan Khilafah Sultan 'Abd al-Hamid Yang Pertama	Sejarah Kronologi	167
117.	Kenyataan Khilafah Sultan Salim Yang Ketiga	Sejarah Kronologi	168
118.	Kenyataan Wahhabiyyah yang mengerasi dua Tanah Haram	Sejarah Kronologi	169
119.	Kerajaan Sultan Mustafa Yang Keempat	Sejarah Kronologi	171
120.	Kekerajaan Sultan Mahmud bin 'Abd al-Hamid	Sejarah Kronologi	171
121.	Sebutan Nizam al-Jadid	Sejarah Kronologi	171
122.	Kenyataan Muhammad 'Ali Pasha nenek Raja Mesir sekarang dan menderhakanya akan sultan	Sejarah Kronologi	173
123.	Kekerajaan Khilafah Sultan 'Abd al-Majid bin Sultan Mahmud	Sejarah Kronologi	174
124.	Sebutan Kerajaan Sultan 'Abd al-Aziz bin Sulan Mahmud Yang Kedua	Sejarah Kronologi	175
125.	Kenyataan Sultan Murad Yang Kelima	Sejarah Kronologi	176
126.	Kekerajaan Sultan 'Abd al-Hamid yang ada pada masa ini	Sejarah Kronologi	176
127.	Kenyataan nasab dan titihan segala sultan Negeri Istanbul	Sejarah Nasab	178
128.	Fasal pada bagai-bagai ilmu dan saham-saham pengetahuan dan beberapa banyak <i>fawa'id</i> dan <i>masa'il</i> yang bertaburan yang seolah-olahnya segala bunga-bunga dan segala bintang yang di langit	Kitab	178
129.	(Faedah) alamat elok perangai	Tasawuf	179
130.	(Faedah) pada setengah daripada barang yang bergantung dengan ilmu Tauhid	Akidah	179

131.	(Faedah) pada menyatakan nahas di dalam setahun pada tiap-tiap bulan	Falak	179
132.	(Faedah) martabat iman itu tujuh	Akidah	180
133.	(Faedah) pada <i>istijabah</i> doa kafir	Fikah	180
134.	(Faedah) pada haram berdoa bagi kafir	Fikah	181
135.	(Faedah) <i>fi ahkam isqat al-solat 'ala madhhab al-Hanafiyyah</i>	Fikah	181
136.	(Faedah) pada bagi dosa	Tasawuf	182
137.	(Faedah) amal yang soleh itu tiada pada syarat sah taubat	Tasawuf	182
138.	(Faedah) di dalam khabar bahawasa bagi Allah satu malaikat	Akidah	183
139.	(Faedah) Masalah seseorang sembahyang hajat maka sujud ia kemudian adalah harus	Fikah	183
140.	(Faedah) masalah daripada <i>syurut</i> taubat	Tasawuf	183
141.	(Faedah) khilaf antara Imam Ash'ari dan Abu Hanifah	Akidah	184
142.	Beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [masuk Islam secara tergagah]	Fikah	184
143.	(Masalah) <i>shahadah</i> dalam bahasa selain Arab	Akidah	184
144.	(Masalah) talak sekiranya isteri ahli neraka	Fikah	184
145.	(Masalah) talak sekiranya Muslimin diazab	Fikah	184
146.	(Ini satu hikayat) masuk seorang Yahudi atas setengah daripada salihin	Sejarah (Kisah)	184
147.	(Faedah) pada bicara ilmu kalam [penulisan]	Penulisan	184
148.	(Faedah) <i>muhimmah</i> pada bicara ilmu khat	Penulisan	185
149.	Perbicaraan huruf Melayu yang lebih daripada huruf Arab	Penulisan	186
150.	(Faedah) ubat sakit gigi dan	Perubatan	187
151.	Faedah sakit serawan dan	Perubatan	188
152.	Sakit karang	Perubatan	188
153.	Ubat gigi bergoyang dan tercabut	Perubatan	188
154.	Ubat gigi buruk, berdarah atau bernanah	Perubatan	188
155.	(Faedah) daripada Imam Nawawi pada besar <i>himmah</i> orang yang dahulu-dahulu [Ibn Jarir al-Tabari]	Sejarah (Kisah)	189
156.	(Dan) beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [diminta ajar tentang iman]	Akidah	189
157.	(Masalah) barangsiapa disengatkan dia oleh ular atau menyengatkan dia oleh kala di dalam sembahyang	Fikah	189
158.	Hukum membunuh ular dan kala di dalam sembahyang	Fikah	189
159.	(Dan) jampi kala dan doa kala	Doa	189
160.	(Dan) beberapa faedah <i>tibbiyyah</i> [menghendaki orang bunting akan anaknya lelaki atau perempuan]	Perubatan	189
161.	(Faedah) tuma	Perubatan	190
162.	(Faedah) makan akan <i>fajala</i> [lobak putih]	Perubatan	190
163.	Faedah sekam gandum	Perubatan	190
164.	(Faedah) mata buaya	Perubatan	190
165.	(Faedah) pada setengah daripada barang yang bergantung dengan ilmu fikah	Fikah	190
166.	Beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [solat sunat wuduk]	Fikah	191
167.	(Faedah) bersabda Nabi SAW – kelebihan wuduk	Fikah	191
168.	Rukun wuduk	Fikah	191
169.	Perkara yang membatalkan wuduk	Fikah	191
170.	(Dan wajib) membaca Basmalah pada awal wuduk	Fikah	192
171.	(Faedah) bersabda Nabi [bacaan sebelum wuduk]	Fikah	192
172.	(Faedah) disunatkan meminum air lebihan wuduk	Fikah	192
173.	Beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [<i>i'adah</i> dalam solat dan tawaf]	Fikah	192
174.	(Masalah) memakaikan kelambu pada makam dan Kaabah	Fikah	192
175.	(Faedah) awal mereka yang memakaikan Kaabah akan kelambunya	Sejarah (Kisah)	193
176.	Masalah <i>fiqhiyyah</i> [(Masalah) Ditanyakan Imam Bulqini adakah harus memakai Kaabah dengan sutera yang diturunkan dia dengan emas]	Fikah	193
177.	'dan' hikayat yang <i>ajibah</i> iaitu Raja Negeri Yaman serta beberapa tenteranya	Sejarah (Kisah)	194

178.	(Faedah) awal musuh Fatani dengan Siam	Sejarah Kontemporari	195
179.	(Faedah) peredaran bilangan tahun Siam	Konsep & Falsafah Sejarah	195
180.	(Faedah) yang bergantung dengan mati	Akidah	195
181.	Dan ruh 'dan' beberapa hukum dengan <i>kasruh ha'</i> dan <i>fath kaf</i> [(Faedah) bermula roh pada ulama kalam itu]	Akidah	195
182.	Ruh itu terbahagi lima bahagian	Akidah	195
183.	(Faedah) kepala <i>buda</i> itu berani	Nasihat	196
184.	(Muhimmah) pada setengah daripada perbicaraan ilmu usul fikah	Fikah	196
185.	'dan' beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [(Masalah) hukum tajhiz jenazah]	Fikah	197
186.	(Masalah) tajhiz jenazah ke atas jenazah yang hidup semula	Fikah	197
187.	(Faedah) berkata Aflatun	Perubatan	197
188.	'dan' beberapa kaedah yang elok [berbekam dan [qaf][sin][ta]]	Perubatan	197
189.	(Faedah) Adam diturunkan	Sejarah (Kisah)	197
190.	(Faedah) Bermula syaitan yang melintangi bagi manusia didalam sembahyang	Akidah	198
191.	(Faedah) Bermula nama Ifrit	Akidah	198
192.	(Faedah) Segala nama Nabi Isa	Akidah	198
193.	(Faedah) awal mereka yang berkhatan daripada perempuan	Sejarah (Kisah)	198
194.	(Faedah) Tiap-tiap mereka yang memperbuat akan jenayah	Fikah	198
195.	'dan' <i>masa'il fiqhiyyah</i> [(Masalah) Bersumpah seorang laki-laki dengan talak]	Fikah	198
196.	(Masalah) Jika membunuh seorang akan seorang dengan ain	Fikah	198
197.	'dan' khasiat burung belatuk	Perubatan	198
198.	Beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> dan lainnya [(Masalah) Tersebut di dalam <i>Sharah Muhadhdhab</i> disunatkan apabila melihat seseorang akan sesuatu yang mencengangkan dia]	Fikah	198
199.	(Masalah) Tersebut di dalam kitab <i>Sharah Muhadhdhab</i> daripada kebanyakan daripada ashab sah sembahyang dibelakang mereka yang berkata ia dengan keadaan Quran itu makhluk	Fikah	199
200.	(Masalah) Haram menyuratkan sesuatu daripada Quran atas kapan	Fikah	199
201.	(Masalah) Makruh menyediakan kapan melainkan daripada yang halal	Fikah	199
202.	(Masalah) Menyebut Mujrimi Alayh pada Bab al-Janazah bahawasanya dinaqal daripada Shaykh Sultan dan lainnya bahawasa harus mengkapankan mayat yang perempuan dan menanamkan dia pada segala kain-kainnya yang harga mahal	Fikah	199
203.	(Faedah) Doa khatam al-Quran khusus didoakan dengan dia di kubur	Doa	200
204.	<i>Abyat</i> yang elok dibacakan kemudian daripada talkin	Doa	200
205.	(Masalah) <i>fiqhiyyah</i> bermula kanak-kanak itu tiada memadai pada empat perkara	Fikah	201
206.	'dan' nasihat yang elok [(nasihat) lazim olehmu dengan benar pada perkataan]	Nasihat	201
207.	(Faedah) telah menyebut Ibn al-'Imad dalam kitab <i>Taqfiq al-Ahkam</i> mengenai menikahi wanita zimmi	Fikah	201
208.	(Faedah) pada perkataan yang bergantung dengan pohon kurma	Lain-lain	201
209.	dan kelapa [(Kata) perhamba yang menyuratkan <i>majmu'</i> ini bahawasa kelapa itu terlebih menyerupai dengan manusia	Lain-lain	201
210.	Beberapa faedah pada khasiat harimau kecil	Perubatan	202
211.	(Faedah) ubat bagi perempuan yang beranak	Perubatan	202
212.	dan burung cak	Perubatan	202
213.	(Dan pada satu riwayat) anjing itu halal dimakan	Fikah	202
214.	Doa melepas hutang	Doa	203

215.	(Faedah) <i>al-Muhdaram</i> itu maknanya mereka yang beriman dengan nabi pada masanya dan tiada melihat ia akan dia	Akidah	203
216.	Hikayat [kisah Nabi dilumuri najis di Kaabah]	Sejarah (Kisah)	203
217.	(dan) faedah <i>abyat</i> empat puluh <i>kaf</i>	Doa	204
218.	(Faedah) Pada menyatakan berhala Hubal	Sejarah Universal	204
219.	(Dan) beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> [(Masalah) wajib adil antara segala isteri pada tidur malam]	Fikah	204
220.	(Masalah) Jatuh talak atas syarat melahirkan anak	Fikah	204
221.	(Masalah) Gugur had daripada isteri apabila menuduh ia akan lakinya kerana cemburunya	Fikah	204
222.	(Dan) beberapa faedah yang elok [(Faedah) Membiarkan sarang labah-labah]	Perubatan	204
223.	(Faedah) tersebut didalam kitab <i>Rasa'il al-Hajat</i> mengenai bacaan dalam solat fajar	Tasawuf	204
224.	(Faedah) Pada doa Abu Hurairah	Doa	205
225.	(Faedah) ini naskah <i>la'uw diacosa</i> yang memberi manfaat sakit batuk	Perubatan	205
226.	(Masalah) Diketahui dari kalam <i>Hashiyah Bujayramy</i> mengenai masjid	Fikah	205
227.	(Faedah) Ini satu bait pada <i>farq</i> antara warak dan zuhud	Tasawuf	205
228.	(Faedah) telah menyebut Maqrizi dan lainnya bahawa <i>ahl al-Rum</i> mengata mereka mengenai Mesir	Sejarah Universal	205
229.	(Faedah) <i>fiqhiyyah</i> 'faedah' pada bicara berusaha	Fikah	206
230.	(Dan adalah hamba) <i>al-Faqir ila 'afw Allah sahib hadha al-majmu'</i> telah mendirikan dengan fardu kifayah mentashihkan kitab	Sejarah Autobiografi	206
231.	(Faedah) minyak sapi lembu	Perubatan	206
232.	(Faedah) Pada bicara ilmu Tarikh	Konsep & Falsafah Sejarah	206
233.	Silsilah raja-raja Bugis dan setengah-setengah daripada raja-raja Melayu	Sejarah Nasab	209
234.	(Faedah) pada <i>ism Allah al-A'zam</i>	Doa	211
235.	(Faedah) Diperanakan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad Fatani	Sejarah Autobiografi	211
236.	(Gharibah) yang dihairankan padanya [Puting beliung melanda Masjidilharam]	Sejarah Kontemporari	211
237.	(Faedah) <i>dinaqal</i> daripada <i>Jaridat al-Ma'lumat</i> [bilangan 59 pada menyatakan kedatangan Islam ke Alam Melayu dan penjajahan Barat]	Sejarah Melayu	211
238.	(<i>wa fi Jaridat al-Ma'lumat aidan</i>) bilangan 54 pada menyatakan kedatangan Islam dibawa Arab-Andalus dan penjajahan Barat	Sejarah Melayu	212
239.	(Faedah) Perbincangan permainan catur	Fikah	212
240.	Khasiat yakut	Perubatan	214
241.	(Faedah) khasiat akik	Perubatan	214
242.	(Faedah) apabila digantungkan ba-kaf-alif-ta-qaf	Perubatan	214
243.	(Faedah) kulit telur	Perubatan	214
244.	(<i>Fawa'id Tibbiyyah</i>) ini ubat [ain][sin][ra][ha] ertinya curah rengat	Perubatan	214
245.	(Dan ini ubat) curah muntah	Perubatan	214
246.	(Faedah) ini ubat buasir	Perubatan	215
247.	(Faedah) ini ubat karang	Perubatan	215
248.	(Faedah) ini empat bait dibacakan dia pada lintangan dan bujurnya	Lain-lain	216
249.	(Faedah) pada ajaib karangan yang kami lihatkan dia	Lain-lain	216
250.	(Faedah) pada segala mudarat banyak jimak	Perubatan	216
251.	'Dan' <i>manafi' tibbiyyah</i> barang yang menahan kumuh dan berak	Perubatan	216
252.	'Dan' khasiat membuang sarang labah-labah dan faedahnya	Perubatan	216
253.	Dan (faedah) hadis yang menyatakan segala hak Muslim ke atas Muslim	Fikah	216


254.	Beberapa bait pada pakaian diriwayatkan daripada Imam Malik	Tasawuf	217
255.	(Khasiat) memakai kasut kuning dan hitam	Perubatan	218
256.	Pengajaran dan masalah <i>fiqhiyyah</i> (<i>Maw'izah wa mas'alah</i>) berkenaan keutamaan ibu	Fikah	218
257.	* <i>Latifah wa mas'alah</i> (beberapa) banyak faedah <i>tibbiyyah</i> * (Faedah) setengah daripada yang dimujarabkan bagi <i>jadham</i>	Perubatan	*219
258.	(Faedah) habu kala yang hitam	Perubatan	219
259.	(Faedah) keladi	Perubatan	219
260.	(Faedah) ubat bengkak dua biji zakar	Perubatan	219
261.	(Faedah) kulit buah delima	Perubatan	219
262.	(Faedah) faedah za'faran bagi perempuan mengandung	Perubatan	219
263.	*Beberapa faedah yang elok* (Faedah) makan [ha][sad][alif] <i>laban al-dhikr</i>	Perubatan	*220
264.	(Faedah) <i>khinfisa'</i>	Perubatan	220
265.	(Faedah) sekam gandum	Perubatan	220
266.	(Faedah) gading gajah	Perubatan	220
267.	(Faedah) <i>laban halib</i>	Perubatan	220
268.	(Faedah) limpa musang	Perubatan	220
269.	(Faedah) tiada <i>ihtilam</i> segala anbia	Akidah	220
270.	*'dan' beberapa masalah dan lainnya* (Masalah) hukum mengenai kera	Fikah	220
271.	(Masalah) wajib membetulkan kesalahan pada kitab yang dipinjam	Fikah	221
272.	(Faedah) penyakit ketumbuhan pada kanak-kanak kecil	Perubatan	221
273.	(<i>Latifah</i>) diriwayatkan bahawasa al-Husayn	Akidah	221
274.	(Faedah) <i>dinaqalkan</i> daripada <i>Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat</i> bahawa mereka yang menyembelih unta	Sejarah Universal	221
275.	(Faedah <i>muhimmah</i>) pada bicara ilmu <i>lughah</i>	Bahasa	221
276.	(Faedah) ini bilang-bilangan hingga sepuluh daripada beberapa bahasa yang bersalah-salahan	Bahasa	222
277.	(Faedah <i>muhimmah</i>) pada satu risalah pada bicara <i>insha' al-murasalat</i>	Penulisan	223
278.	Ini satu tauladan surat kiriman	Penulisan	228
279.	(<i>Muhimmah</i>) pada bicara ilmu siasah	Politik	229
280.	*(Faedah) khasiat limau <i>utrubah</i> *	Perubatan	*232
281.	*Beberapa faedah <i>tibbiyyah</i> * (faedah) khasiat <i>kundur [luban al-dhakar]</i>	Perubatan	232
282.	(Faedah) tersebut di dalam 'Ara'is bagi Tha'labi bahawasa Danial adalah ia nabi yang bukan rasul	Sejarah (Kisah)	232
283.	(Dan masuk) Abu Musa al-Ash'ari RA akan satu negeri	Sejarah (Kisah)	232
284.	(Masalah) jika berjual beli seseorang di dalam sembahyang dengan isyarat nescaya sah jual belinya	Fikah	232
285.	(Masalah) jikalau bersangatan hajat seseorang perempuan kepada makanan maka tertegah empunya daripada memberi kepadanya melainkan dengan diwatinya [disetubuhinya]	Fikah	232
286.	*Beberapa masalah <i>fiqhiyyah</i> dan lainnya* (Masalah) apabila bersumpah seseorang bahawa tiada makan ia akan daging	Fikah	233
287.	(Faedah) berkata imam kita Shafi'i RA barangsiapa menghendaki akan bahawa dicemerlang oleh Allah akan hatinya dan akal nya	Nasihat	233
288.	(Masalah) disunatkan pada sembahyang yang <i>jahriyyah</i> bagi imam itu lima diam yang sedikit	Fikah	233
289.	(Faedah) burung belatuk	Perubatan	233
290.	(Masalah) berkata Safura harus tayamum dengan garam	Fikah	233
291.	(Faedah) khasiat garam	Perubatan	233
292.	(Masalah) berwudu' dengan air garam	Fikah	233
293.	<i>Fawa'id tibbiyyah</i> * dan <i>masa'il fiqhiyyah</i> * dan <i>ash'ar hakiyyah</i> [(Faedah) berkata setengah <i>fudala's</i>]	Nasihat	234
294.	Khutbah nikah yang <i>Latifah</i>	Fikah	236
295.	Doa dibaca kemudian daripada akad nikah	Doa	236

296.	(Faedah) dinaqalkan daripada Imam Zuhri 'afiyat wabak sesuatu negeri	Perubatan	237
297.	(Faedah) dinaqalkan daripada Plato dan Aristotle khasiat yaqut	Perubatan	237
298.	(Faedah) delapan orang jika dihinakan mereka itu maka jangan mencerca mereka itu	Nasihat	237
299.	(Faedah) arnab	Perubatan	237
300.	(Faedah) barangsiapa memujikan dikau dengan barang yang tiada ia ada ia pada engkau daripada kepujian pada ketika redha ia daripada engkau	Nasihat	238
301.	(Faedah 'azimah) pada bicara usul dan ilmu tasawuf	Tasawuf	237
302.	(Faedah) doa khatam Quran dengan bahasa Melayu	Doa	244
303.	Fasal pada menyebutkan beberapa banyak pengajaran dan nasihat dan perkataan yang teguh-teguh yang datang dalam hadis dan <i>athar al-sahabah</i> dan perkataan ulama yang memberi manfaat pada dunia dan akhirat	Nasihat	246
304.	Satu <i>tadhbil</i> daripada perkataan yang <i>jamil</i> * pada pengajaran dan perjagaan yang <i>jalil</i>)	Nasihat	257
305.	Kaifiat taubat nasuha yang menyebutkan dia Imam al-Ghazali di dalam <i>Minhaj al-'Abidin</i>	Tasawuf	260
306.	Beberapa bait pada munajat dan <i>tawasul</i> dan dia	Tasawuf	261
307.	(<i>Khatimah</i>) pada menyebutkan akhbar syurga	Akidah	262
308.	(Inilah) akhir barang yang menghendaki Allah	Kitab	265
309.	(<i>Khatimah al-Tib</i>)	Kitab	266

Sumber: Pengkaji 2017

Dalam mengklasifikasikan kandungan kitab *Hadiqat*, amat sukar disenaraikan dan dibahagikan kandungannya mengikut halaman kerana pada sesetengah halaman Syeikh Ahmad akan memuatkan beberapa fasal. Perkara ini dapat dilihat pada halaman 179 dimana Syeikh Ahmad memuatkan halaman tersebut dengan perbincangan mengenai akidah, tasawuf dan falak sekaligus. Selain itu, terdapat juga sebahagian fasal sejarah yang turut diselitkan bersama perbincangan fasal lain. Contohnya pada halaman 232, Syeikh Ahmad membahaskan mengenai perubatan, sejarah dan fikah secara bersilih ganti. Pembahagian fasal mengikut halaman juga sukar dilaksanakan kerana pada sesetengah fasal, Syeikh Ahmad akan membahaskannya secara panjang hingga merangkumi beberapa halaman (contoh: faedah dan kelebihan ilmu – 3 halaman; *manaqib* Imam Shafi'i: 17 halaman) dan sesetengah fasal lain yang dicatatkan dengan hanya beberapa ayat (contoh: pada menyatakan nahas di dalam setahun pada tiap-tiap bulan – 4 ayat) hatta kadangkala hanya satu ayat sahaja (contoh: Faedah pada *ism Allah al-A'zam*). Walau bagaimanapun, hakikat kitab *Hadiqat* sebagai sebuah kitab sejarah tetap tidak dapat dinafikan apabila Syeikh Ahmad membahaskan mengenai sejarah secara berturut daripada halaman 22 hingga 178 (156 halaman) dan beberapa turutan sejarah yang lebih kecil seperti halaman 195 hingga 196 (dua halaman) dan halaman 206 hingga 211 (enam halaman) tetap menunjukkan kandungan sejarah dalam *Hadiqat* adalah perbincangan utama dan majoriti.

Klasifikasi kandungan kitab *Hadiqat* mengikut bidang dapat diperhatikan pada Rajah 1.




Sumber: Pengkaji 2017

Rajah 1 menunjukkan bidang sejarah mendominasi keseluruhan kandungan kitab *Hadiqat al-Azhar*. Daripada 310 fasal, kandungan kitab *Hadiqat* boleh dibahagikan kepada 13 bidang. 138 fasal daripada keseluruhan kitab adalah sejarah lantas menjadikan bidang sejarah sebagai perbincangan terbesar dalam kitab ini. Diikuti fikah dengan 52 fasal, perubatan 51 fasal, akidah 21 fasal, tasawuf 10 fasal, doa dan jampi 10 fasal, nasihat 8 fasal, kitab 7 fasal, penulisan 5 fasal, lain-lain 3 fasal, bahasa 2 fasal, falak 1 fasal dan politik 1 fasal. Kajian terhadap kandungan kitab *Hadiqat al-Azhar* ini secara tidak langsung mengesahkan pendapat Zamri⁵¹ bahawa wujudnya metode *istitrad* dalam penulisan *Hadiqat al-Azhar*. Hasil kajian ini juga secara tidak langsung memperlihatkan ketokohan Syeikh Ahmad sebagai seorang ilmuwan yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Sebagaimana dinyatakan oleh Wan Mohd. Shaghir⁵², Syeikh Ahmad telah menguasai 47 bidang keilmuan dan sebahagian daripada bidang tersebut telah dizahirkan dalam kitab *Hadiqat al-Azhar*.

Epistemologi Historiografi Islam Dalam *Hadiqat Al-Azhar*

Perihal sejarah dalam kitab tersebut juga dapat dibahagikan kepada sembilan tema. Klasifikasi tersebut dapat dilihat dalam Rajah 2.



Rajah 2 Klasifikasi Kandungan Historiografi *Hadiqat al-Azhar*

Rajah 2 menunjukkan *Akhbar al-Salihin* mempunyai fasal tertinggi dalam *Hadiqat al-Azhar* iaitu sebanyak 61 fasal. Diikuti kronologi sultan Kerajaan ‘Uthmaniyyah dengan 47 fasal dan *manaqib al-akhyar*. Tiga tema ini merupakan perbincangan utama dalam bidang sejarah. Hal ini juga secara langsung telah dinyatakan Syeikh Ahmad sendiri pada bahagian awal kitab bahawa beliau akan membahaskan mengenai tiga tema tersebut⁵³. Peristiwa *Akhbar al-Salihin* dalam bentuk kisah-kisah merupakan *mainstream* dalam tradisi penulisan ulama Melayu ketika itu. Ia juga menunjukkan kepada pembudayaan sejarah Melayu yang dekat dengan nilai nuansa penceritaan bernilai mistik dan karamah. Walau bagaimanapun, penceritaan tersebut tidak bertujuan untuk

⁵¹ Zamri (2009), *op.cit.*

⁵² Wan Mohd. Shaghir (2005), *op.cit.*, hlm. 56.

⁵³ Ahmad Muhammad Zayn (1354H), *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*, Muhammad Zayn al-Haj Ibrahim (pnyt.), Pulau Pinang: Pertama Press, hlm. 3-5 & 22.

mengkhayalkan pembaca bahkan dipandu bermotifkan memberi panduan dan pengajaran kepada bangsa Melayu untuk membersihkan, mendekatkan hati kepada Allah serta mencapai tingkat kerohanian yang tinggi⁵⁴.

Manaqib imam empat mazhab fikah (Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal) dan enam wali *qutb* (Shaykh Ahmad al-Rifa'i, Shaykh 'Abd al-Qadir al-Jilani, Shaykh Ahmad al-Badawi, Shaykh Ibrahim al-Dusuki, Shaykh Abu al-Hasan al-Shadhili dan Shaykh Shams al-Din Muhammad al-Hanafi) ditonjolkan Syeikh Ahmad untuk menunjukkan 10 orang tokoh ini merupakan individu yang sepatutnya dikenali dan diikuti oleh bangsa Melayu. Berbeza dengan *qissat* diatas, *manaqib* mempunyai tujuan yang berbeza dalam aspek penulisan. *Qissat* menggunakan metode *khobar* yang merupakan asas dan teras kepada pensejarahan Arab dengan hanya memaparkan kisah dan pengajaran daripada kisah. *Manaqib* adalah bertujuan untuk menonjolkan latar belakang, biografi dan perilaku yang baik pada seseorang untuk dijadikan teladan. Pemaparan *manaqib* juga secara tidak langsung sebagai mesej Syeikh Ahmad untuk pengukuhan tradisi empat imam mazhab fikah di Alam Melayu dan penyebaran akidah Ahli Sunah Waljamaah di Alam Melayu disamping mengukuhkan pandangan bahawa Islam disebarkan di Alam Melayu adalah melalui dakwah, tarekat dan sufi.

Penulisan biografi empat imam mazhab fikah juga adalah sebagai pelengkap maklumat mengenai imam empat mazhab. Walaupun empat mazhab tersebut diketahui umum, namun belum ada penulisan yang lengkap mengenai empat imam pada era Syeikh Ahmad. Antara penulisan yang menyentuh biografi imam empat mazhab secara ringkas adalah kitab *Fath al-Manan li Safwat al-Zubad* dan kitab *Bughyat al-Tullab* karya Syeikh Daud al-Fatani⁵⁵. Oleh yang demikian, perbincangan ini juga merupakan inisiatif Syeikh Ahmad dalam memperkenalkan empat imam mazhab fikah terhadap masyarakat Melayu. Hal yang sama adalah terhadap lima orang wali *qutb* bermazhab Shafi'i turut dibahaskan Syeikh Ahmad dalam *Hadiqat al-Azhar*. Berbeza dengan yang lain, periwayatan *manaqib* Shaykh Shams al-Din al-Hanafi mempunyai matlamat yang berbeza. Ia lebih dilihat mempunyai kesinambungan daripada kronologi Kerajaan 'Uthmaniyyah (bermazhab Hanafi) yang dimuatkan dalam karya ini.

Periwayatan Kerajaan 'Uthmaniyyah yang dimuatkan dalam *Hadiqat al-Azhar* secara asasnya adalah sebahagian daripada konsep *istitrad* yang diaplikasikan Syeikh Ahmad dalam penulisan karya ini⁵⁶. Secara umumnya, sebab kepada periwayatan ini dapat dikenalpasti pada mukadimah perbincangan Kerajaan 'Uthmaniyyah. Syeikh Ahmad mencatatkan sebab-sebabnya adalah⁵⁷,

1. Berdasarkan kepada persepakatan ulama bahawa Kerajaan 'Uthmaniyyah merupakan sebaik-baik kerajaan selepas Khulafa' al-Rashidin.
2. Mereka berpegang kepada mazhab Ahli Sunah Waljamaah.
3. Melaksanakan syariat Islam.
4. Memuliakan para sahabat, *ahl al-bayt* dan *salihin*.
5. Banyak melaksanakan jihad.
6. Penjaga dua tanah haram.
7. Banyak bersedekah.
8. Banyak menjalankan kerja kebajikan.
9. Melindungi Jemaah haji dan umrah.

Atas sebab-sebab diatas, Syeikh Ahmad menegaskan adalah wajib kepada setiap Muslim untuk mendoakan kesejahteraan Kerajaan 'Uthmaniyyah⁵⁸. Pemilihan Kerajaan 'Uthmaniyyah untuk dicatatkan dalam karya ini juga adalah menunjukkan Syeikh Ahmad mendokong konsep *khilafah* serta menganggap Kerajaan 'Uthmaniyyah merupakan pelindung dan pemimpin kepada umat Islam sedunia⁵⁹. Selain itu, ia juga hasil daripada pengalaman Syeikh Ahmad yang membesar dalam suasana perang antara Patani-Siam lantas menimbulkan sikap anti penjajahan dalam diri Syeikh Ahmad. Menjangkau dewasa, dasar Pan-Islamisme yang diperkenalkan Sultan 'Abd al-Hamid II turut meningkatkan sikap anti penjajahan dalam diri Syeikh Ahmad.

⁵⁴ Ismail Hamid & Wahyunah Abd. Ghani (2002), *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 65, 141 & 142.

⁵⁵ Wan Mohd Shaghir (1992), hlm. 25.

⁵⁶ Ahmad (1354H), *op cit.*, hlm. 22.

⁵⁷ *Ibid.*, hlm. 129 & 130.

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 130.

⁵⁹ Abdul-Ramae Sulong (2013), *Pemikiran Turki Uthmaniyyah menurut Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dalam bukunya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*, Tesis Dok. Fal., Universiti Sains Malaysia, hlm. 179-185.

Seruan Sultan 'Abd al-Hamid II untuk penyatuan dunia Islam dan membebaskan diri daripada penjajah memperlihatkan Kerajaan 'Uthmaniyyah sebagai pelindung kepada umat Islam ketika itu. Oleh yang demikian, pemaparan ini adalah langkah awal yang dilakukan Syeikh Ahmad untuk memperkenalkan Kerajaan 'Uthmaniyyah secara jelas disamping meluaskan gagasan Pan-Islamisme kepada masyarakat Melayu⁶⁰. Walaupun pada hakikatnya telah wujud hubungan Tanah Melayu-Kerajaan 'Uthmaniyyah yang lebih awal, ia lebih bersifat hubungan pemerintah dengan pemerintah⁶¹. Hasrat Syeikh Ahmad pula adalah untuk memperkenalkan Kerajaan 'Uthmaniyyah kepada masyarakat umum.

Enam tema historiografi yang lain dapat dianggap sebagai tema pelengkap kepada historiografi Syeikh Ahmad dalam *Hadiqat al-Azhar*. Tema autobiografi bukanlah tema popular dalam tradisi historiografi Alam Melayu. Kebiasaannya dalam penulisan sejarah di Alam Melayu, sejarawan tidak memberikan maklumat mengenai dirinya sendiri hatta sebahagian karya sejarah di Alam Melayu juga tidak mempunyai nama penulis. Dapat ditafsirkan bahawa pemilihan tema ini adalah daripada hasil dan pengaruh pemusafiran ilmu Syeikh Ahmad yang melihat kepada tradisi historiografi Islam. Antara sejarawan Islam yang mencatatkan autobiografi dalam karya masing-masing ialah al-Suyuti dalam karyanya *Husn al-Muhadarah*, 'Abd al-Fhaffar al-Farisi dalam karyanya *Tarikh Nisabur*, Yaqut al-Hamawi dalam karyanya *Mu'jam Buldan*, Lisan al-Din ibn al-Khatib dalam karyanya *Tarikh Gharnatah*, al-Hafiz Taqi al-Din al-Farisi dalam karyanya *Tarikh Makkah*, al-Hafiz Abu al-Fadl ibn Hajar dalam karyanya *Qudah Misr* dan Abu Shamah dalam karyanya *al-Rawdatayn*.⁶²

Catatan mengenai nasab atau geneologi merupakan tradisi yang wujud dalam historiografi Melayu seperti dalam *Hikayat Raja Pasai*⁶³, *Sejarah Melayu*⁶⁴ dan *Hikayat Merong Mahawangsa*⁶⁵. Oleh yang demikian, selain terpengaruh dengan sistem asas dalam historiografi Islam (*ansab*⁶⁶), karya ini juga sebagai penyambung legasi historiografi Melayu disamping mengetengahkan nasab Raja Bugis dan Sultan Kerajaan 'Uthmaniyyah. Pemilihan nasab Raja Bugis pula adalah kerana faktor mendokong dinasti Raja-Raja Melayu yang kebanyakannya berketurunan Bugis.⁶⁷ Ini juga membuktikan bahawa Syeikh Ahmad mengiktiraf kesultanan Melayu dan kelangsungan kuasanya dan dinastinya dirantau Nusantara.

Naratif sejarah Melayu yang dicatatkan dalam *Hadiqat al-Azhar* berkisar pada era sebelum dan selepas kedatangan Islam di Alam Melayu khususnya di Indonesia. Kaedah ini merupakan metode yang digunakan sejarawan Islam dalam meriwayatkan proses Islamisasi dan perkembangan sesebuah kawasan dari era sebelum Islam kepada selepas Islam hingga membawa kepada pembinaan tamadun Islam di kawasan tersebut. Tradisi ini dapat dilihat dalam karya-karya sejarah Islam seperti *Tarikh Dimashq*, *Tarikh Baghdad* dan *Tarikh Makkah*. Pemilihan Indonesia sebagai subjek penulisan dapat difahami pada akhir fasal ini. Aceh merupakan antara wilayah yang menjalankan hubungan dengan Kerajaan 'Uthmaniyyah hatta semasa peperangan menentang Belanda, Sultan Salim mengiriskan meriam sebagai bantuan kepada Aceh⁶⁸. Berbeza dengan catatan sejarah lain, naratif sejarah Melayu dicatatkan Syeikh Ahmad dalam bahasa Arab hasil petikan daripada *Jaridat al-Ma'lumat* yang diedarkan di dunia Islam. Signifikan ini adalah untuk menyampaikan mesej kepada dunia Islam bahawa Alam Melayu turut mengambil berat terhadap perkembangan yang berlaku kepada wilayah-wilayah Islam lain termasuklah Alam Melayu.

Periwayatan sejarah kontemporari adalah sebagai lakaran daripada pengalaman, pengamatan dan tafsiran beliau terhadap isu dan peristiwa yang berlaku dalam sepanjang hayat Syeikh Ahmad. Ia merupakan peninggalan

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Hubungan Alam Melayu-Kerajaan 'Uthmaniyyah telah berlaku dengan penganugerahan sultan kepada penguasa di Alam Melayu. Ia dianggap antara pengiktirafan tertinggi kerana Kerajaan 'Uthmaniyyah merupakan antara kuasa besar dunia. Namun, keadaan berbeza pada abad ke-19M kerana Kerajaan 'Uthmaniyyah berada dalam era kelemahan dan proses *tanzimat* (pembaharuan). Lihat, Hanif Md. Lateh et al., "Penilaian *Kanun I Esasi* sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1985", *Islamiyyat* 38(2), hlm. 103-109; Ermy Azziaty Rozali (2010), "Hubungan Aceh-Dawlah Uthmaniyyah dalam Bustan al-Salatin", *Jurnal Kajian Islam*, Vol. XX, No. 2, pp. 127-147.

⁶² al-Suyuti (2013), *Tarikh Khulafa' Imam as-Suyuti*, Terj. Mohd Darus Senawi, Kuala Lumpur: Dewa Pustaka Darussofah, hlm. ix. Lihat juga, George Makdisi (1986), "The Diary in Islamic Historiography", *History and Theory*, Vol. 25, No. 2, pp. 173-185.

⁶³ Hussain Othman (2009), *Malay Historical Thought*, Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn, hlm. 123.

⁶⁴ Ibid., hlm. 133.

⁶⁵ Ibid., hlm. 141.

⁶⁶ *Ansab* merupakan tema asas dalam historiografi Arab. Selepas penyebaran Islam, tradisi ini dikekalkan. Maklumat lanjut lihat Wan Kamal Mujani (2012), *Pensejarahan Islam Siri Pertama: Sejarawan Madinah Sehingga Awal Abad ke-4 Hijrah / 10 Masihi*, Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 21; Ismail Bakar (2010), *op cit.*; Shakir Mustafa (1979), *al-Tarikh al-'Arabi wa al-Mu'arrikun*, Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayiyyin, hlm. 49-56.

⁶⁷ Ahmad Muhammad Zayn, *op cit.*, hlm. 210.

⁶⁸ Hubungan Aceh-Kerajaan 'Uthmaniyyah telah berlaku sejak abad ke-16M. Lihat Ermy Azziaty Rozali (2010), *op cit.*

beliau untuk rujukan bagi generasi akan datang. Catatan sejarah universal pula lebih kepada seruan kepada bangsa Melayu untuk menimba ilmu pengetahuan di luar daripada skop dan lingkungan mereka⁶⁹. Penulisan mengenai konsep dan falsafah sejarah yang dimuatkan Syeikh Ahmad dalam kitab ini adalah sebagai catatan ringkas dan rumusan untuk difahami bangsa Melayu mengenai ilmu sejarah. Ia secara tidak langsung turut memaparkan falsafah dan pegangan Syeikh Ahmad mengenai sejarah.

Kesimpulan

Penulisan ini merumuskan bahawa kitab *Hadiqat al-Azhar* merupakan sebuah karya yang mempunyai kandungan sejarah. Ini berdasarkan kepada judul dan kenyataan Syeikh Ahmad pada bahagian pendahuluan kitab tersebut yang secara langsung menyatakan hal ini. Walau bagaimanapun, keseluruhan kitab tersebut tidak sepenuhnya adalah berkaitan dengan sejarah kerana wujudnya sebuah lagi bahagian yang memaparkan mengenai konsep-konsep ilmu dan beberapa perkara lain seperti perubatan, persuratan dan doa. Bahagian kedua dalam karya ini memperlihatkan ketokohan Syeikh Ahmad terhadap pelbagai lapangan ilmu dan pengetahuan.

Fokus historiografi Syeikh Ahmad pula lebih tertumpu kepada *akhbar al-salihin*, *manaqib al-akhyar* dan kronologi Sultan Kerajaan 'Uthmaniyyah. Pemilihan kisah orang soleh dan *manaqib* dapat ditafsirkan sebagai memenuhi objektif *ibrah* yang merupakan motif utama yang membawa kepada penulisan kitab ini. Kronologi Sultan pula adalah untuk menonjolkan Kerajaan 'Uthmaniyyah yang merupakan pemerintah umat Islam pada ketika itu. Pemilihan tema lain pula adalah untuk memenuhi dan melengkapkan historiografi di Alam Melayu bagi peringatan kepada anak bangsa beliau. Perkara ini turut dinyatakan beliau dalam kitab tersebut bahawa bangsa Melayu tidak meminati hal ehwal sejarah. Tiga tema ini secara tidak langsung menunjukkan wujudnya elemen teras sejarah dan historiografi di sisi Syeikh Ahmad. Dilengkapi dengan enam tema pelengkap yang lain, ia melambangkan kepada keseluruhan metodologi dan kerangka sejarah Syeikh Ahmad. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk meneliti aspek idea, pemikiran dan falsafah sejarah Syeikh Ahmad dalam karya ini. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk mengkaji pemikiran dan idea Syeikh Ahmad yang terkandung pada bahagian kedua kitab ini yang memaparkan keilmuan beliau dalam pelbagai bidang.

Rujukan

Abdul Razak Mahmud, 2009. Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin: Karya Monumental Sheikh Wan Ahmad al-Fatani. Abdul Razak et al. (pnyt). Dlm. *Bunga Rampai Persuratan Melayu Wilayah Timur: Sejarah, Pemikiran dan Karya*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Abdullah Zaidi Hassan, 2009. "Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin dalam Konteks Hubungan Alam Melayu dengan Kerajaan Uthmaniyah," Farid Mat Zain (pnyt.), *Daulah Uthmaniyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1923 dan Reaksi Orang Melayu*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Abdullah Zaidi Hassan, 2009. "Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani: Pemikir Agung Melayu," Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zain, Nasruddin Yunos & Ezad Azraai Jamsari (pnyt.), *Dunia Melayu dan Islam: Satu Wacana*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.

Abdullah Zaidi Hassan, 2014. "Syeikh Ahmad al-Fatani dan kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin," Kota Bharu, Temu bual, 22 November.

Ahmad Faathin Mohd. Fadzil, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari & Muhammad Zulkarnaein Fauwi, 2015. "Konsep Ilmu Politik dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin Karya Shaykh Ahmad al-Fatani," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) VI: Ulama dan Umara Berpisah Tiada*.

Ahmad Fathy al-Fatani, 2001. *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Muhammad Zayn, 1354H. Cet. 3, *Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin fi Manaqib al-Akhyar wa Akhbar al-Salihin*, Muhammad Zayn al-Haj Ibrahim (pnyt.), Pulau Pinang: Pertama Press.

⁶⁹ Merujuk kepada pernyataan Syeikh Ahmad dalam karya ini mengenai bangsa Melayu adalah bangsa yang tidak minat dan sering mengetepikan ilmu sejarah.

- Azmul Fahimi Kamaruzaman, Norsaeidah Jamaludin & Ahmad Faathin Mohd Fadzil, 2015. "Ibn al-Athir's Philosophy of History in al-Kamil fi al-Tarikh," *Asian Social Science*, Vol. 11, No. 23.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman, Norsaeidah Jamaludin & Muhammad Firdaus Hafizi Fauzi, 2014. "Pentafsiran Idea Sejarah dalam Kerangka Historiografi Islam," *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 6, No. 1.
- al-Ba'albaki, Munir, 2005. *al-Mawrid: Qamus Inklizi – Arabiy*, Bayrut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- al-Ba'albaki, Ruhi, 1999. *al-Mawrid: Qamus Arabiy – Inklizi*, Bayrut: Dar al-'Ilm lil Malayin, hlm. 1127.
- Bedjo Santoso, 2006. "Syeikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya terhadap Perkembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa", *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*.
- Donwana Taye @ Mohd Lazim Lawee, 1995. "Peranan Ulama Patani Dalam Bidang Dakwah Islamiah Menerusi Penulisan Kreatif," Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ermy Azziaty Rozali, 2014. "The Role of Sheikh Wan Ahmad al-Fatani in the Malay Publications and Printing in the Middle East," *al-Hikmah*, Vol. 6, No. 2.
- Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfadzlee Abul Hassan Ashari, Ermy Azziaty Rozali & Mohd Yusrizal Mohd Yunus, 2011. "Sejarah Ketenteraan 'Uthmaniyyah dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin Karya Shaykh Wan Ahmad al-Fatani," *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*.
- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Helwana Mohammad, 2008. "Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan terhadap Manuskrip Kitab Tayyib Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani," *Jurnal al-Tamaddun*, Vol. 3, Issue 1.
- Fauzi Deraman, Wan Mazwati Wan Yusoff, Ishak Sulaiman, Khadher Ahmad, Mustaffa Abdullah, Faisal Ahmad Shah, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusof, Monika Munirah Abd Razzak, Mohd Murshidi Mohd Noor, Jilani Touhami Meftah, Sedek Arifin, Ahmad K. Kasar, Selamat Amir & Mohd. Roslan Mohd. Nor, 2013. "Sheikh Ahmad al-Fatani and His Bisyaratul 'Amilin wa Nazaratul Ghafilin: A Contribution in Hadith Studies," *Middle-east Journal of Scientific Research*, Vol. 13, No. 2.
- Hanif Md Lateh, Izziah Suryani Md Resad@Arshad & Ahmad Faathin Mohd Fadzil, 2016. "Penilaian *Kanun I Esasi* 1876 sebagai Sumber Pembentukan Perlembagaan Johor 1895," *Islamiyyat*, Vol. 38, No. 2.
- Hasanudin Daud, 2013. "Tasawuf menurut Perspektif Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani," Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli (pnyt.), *Panji Pendeta*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Hadrami, 2000. *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ismail Bakar, 2012. *Sejarah Historiografi Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Juhari, Abi Nasr Ismail bin Hammad (2009), *al-Sihah: Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali, 1996. *al-Ta'rifat*, Bayrut: 'Alam al-Kutub.
- Ma'arif, Louis, 1966. *al-Munjid fi al-Lughah*, Bayrut: al-Matba'ah al-Kathulikiyyah.
- Makdisi, George, 1986. "The Diary in Islamic Historiography", *History and Theory*, Vol. 25, No. 2.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammed Redzuan Othman, 2000. *The Malays in the Middle East: with a Bibliography of Malay Printed Works Published in the Middle East*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohamad Zaki Jaafar, 2006 “Sejarah ‘Uthmaniyyah Dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin, karya Sheikh Wan Ahmad al-Fatani: Kajian Transliterasi dari Halaman 110-130,” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman, 1998. “The Role of Makka-educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya,” *Journal of Islamic Studies*, Vol. 9, Issue 2.
- Mohd. Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan, 2011. “Shaykh Ahmad al-Fatani (1856-1908M) dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Ilmu Nahu di Institusi Pondok Negeri Kelantan,” *al-Basirah*, Jil. 1, Bil. 1.
- Mohd. Fuad Saad, 2003. “Pemikiran Politik Syeikh al-Fatani: Kajian Terhadap Karyanya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin,” Kertas Projek, Jabatan Siyasa Syar’iyyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Adib Samsudin & Mohammad Zaini Yahaya, 2011. “Pemikiran Usul Fikah Syeikh Ahmad al-Fatani dalam Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah,” *Jurnal Melayu*, Vol. 7.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1350H. *Qamus Idris al-Marbawi ‘Arabi-Malayuwi*, Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, 1930. *Qamus Idris al-Marbawi*, Jil. 1, Misr: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Mustafa, Shakir, 1979. *al-Tarikh al-‘Arabi wa al-Mu’arrifun*, Bayrut: Dar al-‘Ilm li al-Malayiyyin.
- Noor Azharan Mohd. Noor, 2006. “Sejarah ‘Uthmaniyyah Dalam Kitab Hadiqat al-Azhar wa al-Rayyahin, karya Sheikh Wan Ahmad al-Fatani: Kajian Transliterasi dari Halaman 130-150,” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlizawati Ma’aruf, 2008. “Pemikiran Politik Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856M-1908M)”. Latihan Ilmiah. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar, 1993. “Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin sebagai Model Sastera Islam,” Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Malaysia, UKM Bangi, 5-8 September.
- al-Suyuti, Jalal al-Din, 2013. *Tarikh Khulafa’ Imam as-Suyuti*. Terj. Mohd Darus Senawi, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Darussufiah.
- Rosela Lajid, 1995. “Manuskrip Hadiqatul Azhar war Rayahin: Analisis dan Transliterasi Teks,” Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1991. “Kitab Hadiqatul Azhar war Rayyahin,” *Jurnal Dewan Bahasa*, Jil. 35, Bil. 3.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1995. *Syeikh Ahmad al-Fatani: Ulama dan Tokoh Persuratan Melayu dari Zaman Klasik hingga ke Arah Dunia Moden*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1998. *Hadiqatul Azhar war Rayyahin: Asas Teori Takmilah Sastera Melayu-Islam*, Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005. *Syeikh Ahmad al-Fatani: Pemikir Agung Melayu dan Islam*, Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Kamal Mujani, 2012. *Pensejarahan Islam Siri Pertama: Sejarawan Madinah Sehingga Awal Abad ke-4 Hijrah / 10 Masihi*, Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Rulida Wan Abdullah, 1994. "Ulasan Kitab Faridat al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id oleh Syeikh Ahmad al-Fatani," Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Arifin, 2009. "Pengkaryaan Ulama Arab dan Melayu: Penelitian Awal terhadap Penggunaan Kaedah Istidrad (Digression) dalam Karya al-Jahiz dan Sheikh Ahmad al-Fatani," Kalthum Ibrahim, Farid Mat Zain, Nasruddin Yunos & Ezad Azraai Jamsari (pnyt.), *Dunia Melayu dan Islam: Satu Wacana*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.